

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMBS)

Oleh

SHAZWAN FAIRUZ BIN SALIM  
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100039944



LI 71 FPE 2 2005



1100039944

Laporan akhir Latihan Industri di Keretapi Tanah Melayu Berha  
(KTMB) / Shazwan Fairuz Salim.

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039944		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)**

**Oleh  
SHAZWAN FAIRUZ BIN SALIM  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Maritim)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039944**

## PENGHARGAAN

Dengan lafaz Assalamualaikum w.b.t untaian bicara saya mulakan dengan dihiasi kalimah Bismilahirrahmannirrahim.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah dengan berkat dan hidayahnya sempurnakanlah sudah laporan Latihan industri yang telah dipertanggungjawab ke atas saya. Tidak dapat dinafikan, akan terdapatnya kekurangan dan kelemahan dari segi isi dan balaghnya tetapi saya telah cuba sedaya upaya untuk menampilkan yang terbaik buat tatapan penilai.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih terutamanya kepada Penyelia Latihan Industri, Cik Nor Suriyati Bt Othman dan pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM yang telah banyak membantu perjalanan proses Latihan Industri dari awal hingga akhir. Penghargaan ini juga turut ditujukan buat penyelia organisasi Latihan Industri, Pn. Halawiah Abdul Wahab atas kesudian memantau serta menyelia perjalanan Latihan Industri selama di KTMB. Sumbangan idea dan usahasama beliau dalam memantapkan proses pembelajaran Latihan Industri amat saya hargai.

Hasil manifestasi usaha murni dari semua terutama bagi pihak organisasi, manakan mungkin saya dapat menyempurnakan laporan yang mampu

mendokumentasikan segala ilmu dan pengetahuan yang boleh dijadikan wadah penyalur pelbagai informasi yang sangat berharga bukan sahaja kepada pelajar Latihan Industri masa akan datang bahkan buat pihak organisasi.

Sekalung penghargaan buat Pengurus Besar Freight SBU, Encik Abd Radzak atas kesudian memberi peluang kepada saya selaku pelajar dari KUSTEM untuk menjalani Latihan Industri di Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Kalungan ucapan ini turut saya 'rantaikan' buat penyelia organisasi yang juga Pengurus Sumber Manusia Pn. Halawiah Abdul Wahab sekali lagi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan teguran kepada saya yang mana ia telah membina semangat saya semula daripada terus lentur lantaran daripada tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tidak dilupakan juga buat semua eksekutif, para pegawai serta staf dan pekerja yang telah banyak memberi dorongan dan panduan sekaligus menyumbangkan idea-idea yang bernas lagi mantap dimana ia sekaligus meluaskan pemikiran saya untuk mengembangkan lagi hujah yang telah sedia ada di kotak fikiran. Dengan adanya kerjasama dan bantuan daripada mereka, maka dapatlah menambahkan lagi keyakinan saya untuk mereliasasikan impian sebenar laporan ini.

Penyudah kata penutup bicara sekapur sirih saya tujukan kepada ibu bapa saya yang tidak jemu memberi sokongan dan kekuatan semangat sepanjang

proses Latihan Industri. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi pertolongan dalam segala aspek sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sekali lagi diatas segala jasa baik dan panduan yang telah diberikan kepada saya. Tanpa mereka, manakan mungkin saya dapat merialisasikan impian pihak fakulti untuk melihat kemampuan laporan para pelajarnya. Dengan ini saya akhirnya dengan lafaz Wassalamualaikum w.b.t.

## **PRAKATA**

Program Latihan Industri (LI) adalah salah satu latihan praktikal bagi para pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang mana ia adalah program wajib fakulti yang telah disyaratkan. Latihan industri ini berjalan selama tempoh lebih kurang tiga bulan dan dikhususkan kepada pelajar-pelajar tahun dua di akhir semester keempat iaitu pada cuti antara semester.

Latihan Industri ini seperti mana dikatakan selama 12 minggu iaitu bermula daripada 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005. Sepanjang tempoh antara bulan Disember hingga Mac, para pelajar akan memohon tempat untuk latihan Industri di mana firma-firma swasta atau badan-badan kerajaan dijadikan pilihan untuk mendalami bidang-bidang kerja pentadbiran dan pengurusan organisasi yang berkaitan dengan pengkhususan pelajar.

Semasa menjalani Latihan industri ini, pelatih-pelatih akan memperolehi:

- a) Pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian dan kemahiran individu.
- b) Mengaplikasi teori yang telah dipelajari dalam kuliah dengan realiti sebenar di alam pekerjaan yang berbeza.
- c) Dapat mengenal pasti kebolehan dan potensi diri di dalam menguruskan sesuatu pengkhususan kerja di dalam organisasi.

d) Secara amnya dapat memahami apa perkara sebenar yang paling penting untuk di fahami dan pelajari seperti etika kerja yang professional.

Sepanjang tempoh latihan industri, jangkaan latihan yang perlu dilakukan adalah selain aktiviti kerja di pejabat, pelajar harus juga menumpukan aktiviti-aktiviti luar dari pejabat syarikat seperti bertemu pelanggan syarikat atau organisasi supaya ilmu pengetahuan tentang urusan kerja dan etika yang perlu di ambil kira. Aktiviti kerja di luar pejabat kadangkala ia menjadi amat penting dan amat berfaedah kerana kita dapat melihat situasi sebenar dan lebih mencabar dari segi komitmen kerja dan usaha.

Walaupun Latihan industri dibuat dalam jangka masa yang agak singkat iaitu selama tiga bulan sahaja, akan tetapi pengalaman bekerja di bawah sesebuah organisasi amat besar makna kerana kita haruslah mengamalkan apa yang telah dipelajari di dalam organisasi. Ia adalah kerana ia dapat dimanfaatkan apabila seorang graduan tersebut memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Semoga objektif Latihan Industri ini tercapai dengan jayanya.



## SENARAI ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
Pengesahan Keaslian laporan	
Penghargaan	ii
Prakata	v
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Carta Alir	xiii
Ringkasan Eksekutif	xiv
<b>BAB 1 : LATARBELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Pengenalan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	1
1.1.1 Bangunan Ibu Pejabat KTM Berhad	3
1.1.2 Stesen Keretapi Kuala Lumpur	4
1.1.3 Misi Dan Visi	7
1.2 Sistem Rangkaian KTM Berhad	9
1.3. Carta Organisasi KTM Berhad	10
1.4 Fungsi dan Aktiviti KTM Berhad	11
1.4.1 Unit Perniagaan Strategik (Perniagaan Utama)	11
1.4.1.1 Perkhidmatan Komuter	11
1.4.1.2 Perkhidmatan Antarabandar	12
1.4.1.3 Perkhidmatan Barang	13

1.4.2 Syarikat Bersekutu KTM Berhad	15
1.4.3 Unit Perniagaan Pelbagai	16
1.4.3.1 Multimodal Freight Sdn. Bhd (MMF)	16
1.4.3.2 KTM Distribution Sdn. Bhd	17
1.4.3.3 KTMB (Car Park)	18
1.5 Aktiviti Perkhidmatan Barang	19
1.5.1 <i>Landbridge</i>	20
1.5.2 <i>Hub &amp; Spoke</i>	22
1.5.3 <i>Pit Stop Operation</i>	23
1.6 Unit-unit Sokongan Perkhidmatan Barang	24
1.6.1 Urusan Jalan	24
1.6.2 Sistem Pengurusan Operasi Tren (SPOT)	25
1.6.3 Teknologi Maklumat	26
1.6.3.1 Freight on line	26
1.6.3.2 SPOT (Sistem Pengurusan Operasi Tren)	27
1.6.3.3 Sistem Oracle	28
1.6.4 Persemboyanan, Komunikasi, dan Elektrifikasi	28
1.6.5 Penyelenggaraan Fleet dan Kejuruteraan	28
1.6.6 Sumber Manusia dan Pentadbiran	30
1.7 Kemahiran Yang Ingin di Pelajari.	31

## **BAB 2: MENGESAN SISTEM, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYALESAIAN.**

<b>2.1. Sistem Kerja dalam Unit Persemboyanan, Komunikasi dan Elektrifikasi</b>	<b>33</b>
2.1.1 Kaedah Pelepasan Tren dan Penggunaan Peralatan	34
2.1.2 Tugas Unit Persemboyanan, Komunikasi dan Elektrifikasi	35
2.1.3 Pengenalpastian Masalah	37
2.1.4 Cadangan Dan Penyelesaian	39
2.1.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	41
2.1.6 Cadangan Sistem Kerja dalam Unit Persemboyanan Komunikasi dan Elektrifikasi.	43
<b>2.2 Sistem Kerja Dalam Sistem Pengurusan Operasi Tren (SPOT)</b>	<b>44</b>
2.2.1 Objektif Sistem Pengurusan Operasi Tren (SPOT)	45
2.2.2 Tugas-tugas Sistem Pengurusan Operasi Tren (SPOT)	45
2.2.3 Pengenalpastian Masalah	45
2.2.4 Cadangan Dan Penyelesaian	47
2.2.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	48
2.2.6 Cadangan Sistem Kerja Dalam Sistem Pengurusan Operasi Tren (SPOT)	50

2.3	Sistem Kerja Dalam Tren Barang Secara Tandem	51
2.3.1	Objektif Kerja Dalam Tren Barang Secara Tandem	52
2.3.2	Tugas-tugas Sistem Kerja Dalam Tren Barang Secara Tandem	52
2.3.3	Mengenalpasti Masalah	53
2.3.4	Cadangan Dan Penyelesaian	54
2.3.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	55
2.3.6	Cadangan Sistem Kerja Tren Barang Secara Tandem	57

### **BAB 3: CADANGAN KESELURUHAN DAN PENUTUP LAPORAN**

#### **LATIHAN INDUSTRI**

3.1	Cadangan Keseluruhan Organisasi	58
3.1.1	Cadangan Untuk Latihan Industri	60
3.1.2	Kesimpulan	60
	<b>RUJUKAN</b>	<b>63</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>65</b>

**SENARAI JADUAL****MUKASURAT**

Jadual 1.1 : Perbezaan Pelbagai Cara Pengangkutan	22
Jadual 1.2 : Depoh, Penyelenggaraan Fleet dan Kejuruteraan	30
Jadual 1.3 : Menunjukkan skop tugas-tugas unit Persemboyanan	35
Jadual 1.4 : Menunjukkan skop tugas-tugas unit Komunikasi	36
Jadual 1.5 : Menunjukkan skop tugas-tugas unit Elektrifikasi	36

**SENARAI RAJAH.****MUKASURAT**

Rajah 1.1 : Syarikat Bersekutu KTM Berhad	15
Rajah 1.2 : Terminal Padang Besar	17
Rajah 1.3 : Lokomotif <i>Blue Tiger</i>	52

## **SENARAI CARTA ALIR**

## **MUKASURAT**

Carta Alir 1.1 : Sistem unit Persemboyanan, Komunikasi Dan Elektrifikasi	34
Carta Alir 1.2 : Cadangan Sistem unit Persemboyanan, Komunikasi Dan Elektrifikasi.	43
Carta Alir 1.3 : Sistem pengurusan operasi tren (SPOT)	44
Carta Alir 1.4 : Cadangan Sistem bagi sistem pengurusan operasi tren (SPOT).	50
Carta Alir 1.5 : Sistem bagi di dalam tren barang secara Tandem.	51
Carta Alir 1.6 : Cadangan Sistem bagi di dalam tren barang secara Tandem.	57

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama tiga bulan dan pelatih telah memilih organisasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri tersebut. Keretapi Tanah Melayu Berhad merupakan sebuah badan yang dikorporatkan di bawah badan berkanun yang diselia oleh kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan. KTM Berhad adalah sebuah organisasi sistem pengangkutan rel yang pertama di Malaysia. Sepanjang menjalani Latihan Industri ini juga, pelbagai pendekatan yang telah dilakukan oleh pelatih agar segala kerja yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Semasa Latihan Industri pelatih berpeluang di tempatkan di Butterworth, Padang Besar, Pelabuhan Klang, Padang Rengas, Ipoh dan juga di Ibu Pejabat untuk melihat sendiri setiap operasi yang dilakukan. Selain itu menyertai aktiviti- aktiviti luar dari pejabat syarikat seperti bertemu pelanggan KTM untuk mengambil cek, beri invois dan sebagainya. Selain itu pelatih telah mengikuti pameran Asia Rel Konferens yang pertama di mana dibuat oleh KTMB iaitu KTMB menjadi tuan rumah. Pelatih juga diberi peluang untuk menggunakan mesin seperti *leaver* dan operasi tren secara berkomputer dan melihat dengan lebih dekat cara pengendalian kontena seperti di Pelabuhan Klang iaitu di *Northport*. Selain itu pelatih dapat membuat lawatan ke terminal, stesen, depoh dan *yard* untuk melihat dan memahami lagi skop pengurusan maritim yang di pelajari. Pelatih berpeluang melihat sendiri operasi antara pelabuhan dan KTMB seperti pelabuhan kering(*dry port*) dimana sebagai contoh ICT di Ipoh menjadi pelanggan utama yang menggunakan trek KTMB untuk hantar barang ke Pelabuhan. Penghantaran barang di antara sempadan Malaysia dengan Thailand dan Singapura melihat bagaimana kontena dan sebagainya dihantar ke sana. Lawatan ke Jabatan Operasi juga di buat untuk mengetahui pergerakan dan pengendalian tren-tren. Mendapatkan Taklimat Dari Pengurus dan eksekutif bahagian *Freight* mengenai skop yang penting seperti kontena dan gerabak (*wagon*). Pelatih di bawa melawat stesen-stesen yang penting dan melihat operasi yang dilakukan di sana. Semasa menjalani Latihan Industri, pelatih telah melihat dan mengesan sistem sedia ada yang terdapat dalam organisasi ini seperti di unit Urusan Jalan, unit Persemboyanan, Komunikasi dan Elektrifikasi dan Sistem tren secara Tandem. Pelatih telah mengenalpasti masalah yang timbul di dalam organisasi berkaitan penggunaan sistem sedia ada yang telah diguna pakai oleh pihak pengurusan. Beberapa cadangan penyelesaian telah dicadangkan oleh pelatih bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh organisasi ini bagi meningkatkan lagi corak sistem pengurusan di dalam organisasi dan juga supaya pengurusan berjalan dengan lebih lancar.